

28 JUL 1998

PARLIMEN: HANYA SATU LAPORAN POLIS DIBUAT, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 28 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata satu laporan polis dibuat oleh usahawan Datuk Soh Chee Wen pada 4 Jun lepas di Bahagian Siasatan Jenayah Perdagangan, Bukit Aman, terhadap seorang ahli korporat.

Dr Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, ahli korporat yang dinamakan itu bukanlah anak seorang menteri dan juga tidak mempunyai sebarang pertalian dengan mana-mana menteri.

Sepertimana yang pernah diumumkan oleh pihak polis melalui media massa, perkara dalam laporan polis itu telah dirujuk kepada Suruhanjaya Sekuriti untuk tindakan susulan kerana ia adalah dalam bidang kuasa khusus Suruhanjaya itu, katanya dalam jawapan bertulis kepada soalan Lim Guan Eng (DAP-Kota Melaka) di Dewan Rakyat.

Dalam soalnya Lim meminta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada siasatan dijalankan mengenai laporan polis yang dibuat oleh Soh terhadap beberapa penyelewengan yang berlaku dalam dunia korporat.

Lim juga bertanya berapa banyak laporan polis yang dibuat oleh Soh dan sama ada siasatan telah dilakukan terhadap tokoh korporat tertentu termasuk juga seorang anak menteri.

-- BERNAMA

NZ NMO